



KENYATAAN MEDIA
YAB DATUK SERI UTAMA AB RAUF BIN YUSOH
KETUA MENTERI MELAKA

PELAKSANAAN PELARASAN TARIF AIR DOMESTIK BAGI NEGERI MELAKA

- Lanjutan daripada Kenyataan Media oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) berkaitan pelarasan tarif air domestik di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan **menerusi Mekanisme Penetapan Tarif (*Tariff Setting Mechanism -TSM*)** pada **17 Januari 2024** yang telah diluluskan oleh Mesyuarat Jemaah Menteri pada **13 Disember 2023** berkuatkuasa pada **1 Februari 2024**.
- Untuk makluman, kali terakhir pelarasan tarif domestik dilaksanakan di Negeri Melaka adalah pada **April 2011** iaitu **13 tahun yang lalu** dan bermula **1 Februari 2024** berkuatkuasa pelarasan tarif baru bersama dengan caj elektrik sebanyak **RM0.07 setiap meter padu** kepada semua kategori pengguna yang melibatkan sebanyak **297 ribu akaun pengguna domestik** dan **46 ribu akaun pengguna bukan domestik**.
- Hal ini adalah bagi membolehkan SAMB mengatasi perubahan kos elektrik disebabkan oleh **surcaj pelepasan kos tidak seimbang (*imbalance cost pass-through (ICPT)*)** oleh Tenaga Nasional Berhad. Sebagai makluman caj elektrik yang dikenakan adalah melibatkan semua negeri namun dengan kadar yang berbeza mengikut kadar negeri masing-masing dengan mengikut kelulusan dan semakan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara.
- Kadar Tarif bekalan air baharu yang telah diselaraskan bagi Negeri Melaka adalah seperti berikut;

- **Kategori Domestik – telah termasuk RM0.07 caj elektrik per meter padu**

STRUKTUR DAN KADAR PERKHIDMATAN BEKALAN AIR SEMASA DAN BAHARU		TARIF SEMASA		CADANGAN TARIF BAHARU BERKUATKUASA MULAI 1 FEB 2024	
KOD TARIF	KATEGORI	CAJ MINIMA	RM/m3	CAJ MINIMA	RM/m3
01	DOMESTIK (KEDIAMAN)	6.00		8.70	
	0 - 20 m3		0.60		0.87
	21 - 35 m3		0.95		1.52
	> 35 m3		1.45		2.02
03	DOMESTIK (METER PERUMAHAN) PUKAL	25.00	1.80	25.00	2.07

- Purata kenaikan tarif domestik seluruh negeri di Semenanjung Malaysia adalah sebanyak **22 sen per meter padu** atau **19.3%** manakala purata kenaikan tarif domestik Negeri Melaka adalah yang **keempat terendah** berbanding negeri lain iaitu sebanyak **16 sen per meter padu** atau **13.9%**.
- **Kategori Bukan Domestik – kenaikan bagi Caj Elektrik RM0.07 per meter padu**

STRUKTUR DAN KADAR PERKHIDMATAN BEKALAN AIR SEMASA DAN BAHARU		TARIF SEMASA		CADANGAN TARIF BAHARU BERKUATKUASA MULAI 1 FEB 2024	
KOD TARIF	KATEGORI	CAJ MINIMA	RM/m3	CAJ MINIMA	RM/m3
02	PERNIAGAAN / INDUSTRI / KERAJAAN	25.00		25.00	
	0 - 35 m3		2.40		2.47
	> 35 m3		2.45		2.52
06	RUMAH IBADAT / INSTITUSI KEBAJIKAN	9.00	0.90	9.70	0.97
07	PERKAPALAN	70.00	7.00	70.70	7.07

***kadar tarif adalah termasuk caj elektrik sebanyak RM0.07 per m3**

- Peningkatan bil air bulanan ke atas pengguna domestik adalah seperti berikut:
 - I) **Penggunaan Berhemah (0 – 20 meter padu)**

Sejumlah 150 ribu pengguna akaun domestik atau 51% pengguna berhemah tidak akan terjejas secara signifikan walaupun tarif dinaikan sebanyak RM0.27 bagi setiap meter padu dengan peningkatan bil yang minimum iaitu dari RM2.70 hingga RM5.40 sebulan.
 - II) **Penggunaan Biasa (21 – 35 meter padu)**

Sejumlah 81 ribu pengguna akaun domestik atau 27% pengguna biasa dijangka akan mengalami kenaikan bil air bulanan secara purata sehingga RM13.95 sebulan.
 - III) **Penggunaan Tinggi (Melebihi 35 meter padu)**

Pengguna kategori ini adalah seramai 66 ribu akaun atau 22% akan menerima kenaikan bil air yang lebih tinggi disebabkan konsep tarif punitif yang digunapakai bagi menggalakkan penjimatan penggunaan air.
- Jangkaan pendapatan tambahan daripada pelarasan tarif kali ini akan digunakan sebaiknya oleh SAMB bagi membiayai projek-projek menaik taraf dan penambahbaikan sistem perkhidmatan bekalan air Negeri Melaka.
- Sebagai harapan pelarasan tarif ini menjadikan Kerajaan Negeri dan SAMB lebih komited memastikan sistem bekalan air Negeri Melaka tidak mengganggu perancangan pembangunan Negeri Melaka yang melibatkan pelancongan dan menarik lebih pelabur ke Negeri Melaka.

**Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:
Puan Siti Hajar Binti Abdul Rahman
Pengurus Korporat Syarikat Air Melaka Berhad
(06-2921907/15800)**

**DIKELUARKAN OLEH:
PEJABAT KETUA MENTERI MELAKA
24 JANUARI 2024**